

25/03/2001

Buat persediaan sebelum hijrah ke bandar: PM

TENOM: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta penduduk luar bandar melengkapkan diri dengan kemahiran dan kecekapan yang mencukupi sebelum berhijrah ke bandar.

Perdana Menteri berkata, ini perlu bagi mengelakkan mereka mendiami kawasan setinggan yang tidak selesa kerana tidak mempunyai pendapatan cukup untuk menampung kehidupan di bandar.

"Kerajaan tidak akan menghalang penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar tetapi mereka perlu mempersiapkan diri dengan kemahiran dan kecekapan yang perlu bagi membolehkan mereka mendapat pendapatan tinggi ketika bekerja di bandar.

"Dengan pendapatan yang tinggi, mereka mampu menyewa rumah di kawasan perumahan. Masalah timbul bagi penduduk yang tidak mempunyai kemahiran tertentu apabila ke bandar, mereka berhadapan dengan masalah. Dengan pendapatan yang tidak mencukupi, mereka akan tinggal di kawasan setinggan," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak mahu rakyat yang berhijrah menjadi setinggan di bandar-bandar di negara ini kerana ia menimbulkan banyak masalah.

Beliau berkata demikian pada Majlis Bersama Rakyat dan Pelancaran Pembinaan Jalan Raya Tenom - Beaufort di Padang Majlis Daerah Tenom di sini semalam.

Turut hadir, isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Ketua Menteri, Datuk Osu Sukam.

Dr Mahathir tiba di sini dari Kota Kinabalu dengan helikopter tengah hari semalam untuk mengadakan lawatan rasmi selama dua hari ke daerah pedalaman yang terletak kira-kira 173 kilometer dari ibu negeri.

Beliau dan isteri disambut meriah lebih 20,000 penduduk yang majoriti suku kaum Murut dengan pelbagai pertunjukan kebudayaan kaum dari pedalaman Sabah selain pertunjukan payung terjun.

Bagi membolehkan penduduk luar bandar mempunyai kemahiran, Dr Mahathir berkata kerajaan akan menyediakan lebih banyak pusat kemahiran dan kecekapan bagi melatih penduduk luar bandar dengan kemahiran yang mencukupi sebelum mereka berhijrah ke bandar.

"Sehingga kini kira-kira tiga perlima (13 juta) penduduk Malaysia tinggal di kawasan bandar, jumlah ini dijangka meningkat selaras dengan status negara maju yang ingin dicapai negara.

"Rakyat luar bandar akan terus berhijrah ke bandar selaras dengan pembangunan pesat negara. Oleh itu, mereka perlu mempunyai persediaan yang mencukupi," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan akan menyalurkan bekalan elektrik dari Projek Hidro Bakun, Sarawak yang mampu menghasilkan 2,400 megawatt apabila siap sepenuhnya lima tahun lagi ke Sabah dan negara di Borneo.

"Kos menyediakan bekalan elektrik di Sabah mahal berikutan ia bergantung kepada sumber minyak diesel, dengan siapnya projek Bakun, kira-kira 700 megawatt bekalan elektrik akan disalurkan ke kawasan bandar dan pedalaman Sabah.

"Sehingga kini, Sabah hanya mampu membekalkan kira-kira 400 megawatt bekalan elektrik yang tidak mampu untuk disalurkan ke kawasan pedalaman dan luar bandar," katanya.

Beliau berkata, kerajaan akan menyediakan kemudahan asas terutama bekalan air kepada penduduk di kawasan luar bandar.

(END)